

**PERANAN DAN KEBERKESANAN KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN TAIPING BERHAD, DAERAH LARUT, MATANG
DAN SELAMA, TAIPING**

FAIZUL ABDULLAH
M.NIK MOHD. KAMAL M.TAJUDDIN
HAMID MOHD.ISA

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA
DALAM PENTADBIRAN AWAM

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
PENGAJIAN JARAK JAUH (PJJ)
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
SRI MANJUNG

1998

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Tiada kata yang paling indah untuk kami lafazkan selain syukur ke hadrat Illahi atas segala rahmat yang dikurniakan sehingga terhasilnya Kertas Projek ini.

Pertama sekali kami ingin mengambil kesempatan ini untuk melahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada En. Mohd.Fauzi bin Harun selaku Pensyarah, Penyelia dan Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksaan Kertas Projek ini. Beliau telah memberikan segala dorongan, bimbingan serta tunjuk ajar ketika kami berusaha menyiapkan Kertas Projek ini. Apatah lagi dalam suasana kami yang terperangkap di antara tuntutan tugas dan di samping itu pula menyempurnakan tanggungjawab sebagai ketua keluarga masing-masing. Sumbangan, komitmen dan bimbingan beliau tidak dapat dinafikan terlalu berharga dan amat bernilai bagi kami.

Kami juga mengambil kesempatan ini untuk mengucap ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan semua kaki tangan Koperasi Pegawai - pegawai Kerajaan Taiping Berhad yang telah memberikan kerjasama, bantuan dan maklumat yang berkaitan dengan Koperasi tersebut. Banyak maklumat serta bantuan telah diberikan untuk kami menyiapkan penyelidikan ini dan hanya Allah S.W.T jualah yang dapat membalas jasabaik mereka.

Kami juga ingin merakamkan setinggi - tinggi terima kasih kepada pihak Jabatan Pembangunan Koperasi Daerah Larut Matang dan Selama atas kerjasama dan panduan berkaitan pembangunan Koperasi berkenaan.

Tidak lupa penghargaan kami terutamanya Pn. Asmah bt Zainuddin, En. Aris Raffi'ai bin Haji Ismail, En. Mokhtar Bin Bahaudin, Tn.Hj.Hashim Bin Hasan, Pn.Aini Rusmiza Hj.Abdul Karim dan semua individu terbabit yang tidak dapat

SINOPSIS

Gerakan Koperasi di Malaysia telah wujud lebih dari 70 tahun yang lalu. Dalam tempoh tersebut banyak pengalaman yang telah dilalui oleh gerakan ini yang sepatutnya menjadi panduan serta pengajaran kepada yang berkenaan.

Koperasi sebagai satu institusi sosio - ekonomi berorientasikan penggabungan manusia secara beramai - ramai sememangnya wajar boleh memainkan peranan besar dalam membangunkan ekonomi negara melalui kegiatan dalam pelbagai bidang yang boleh menguntungkan ahli - ahli dan gerakan itu sendiri.

Gerakan koperasi di asaskan atas prinsip - prinsip menolong diri sendiri, keahlian sukarela, kesamarataan ahli - ahli, gabungan manusia dan memajukan ahli - ahli. Justeru itu dapat menghidupkan semangat jayadiri serta bantu - membantu, perpaduan kaum dan berdikari untuk meninggikan taraf hidup ahli - ahlinya. Gerakan Koperasi di Malaysia mempunyai masa depan yang baik untuk membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan melibatkan diri di dalam berbagai - bagai bentuk kegiatan ekonomi di negara ini.

Ahli - ahli Koperasi Kredit khasnya, perlulah memahami tujuan sebenar Koperasi dan sebab - sebab mereka menjadi ahli. Sebagai ahli yang sepatutnya cenderung menabung mereka nampaknya lebih terdedah dan berminat untuk meminjam. Ahli - ahli sewajarnya memanfaatkan Koperasi dengan bijak dan tidak menyalahgunakan fungsinya yang sebenar. Umumnya apabila menjadi ahli, mereka merasakan perlu menggunakan kemudahan pinjaman itu. Didapati banyak ahli - ahli membuat

KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	I
PENGAKUAN	II
PENGHARGAAN	III
SINOPSIS BAHASA MELAYU	V
SINOPSIS BAHASA INGGERIS	VII
KANDUNGAN	IX
SENARAI JADUAL	XIII
SENARAI CARTA	XIV
SENARAI SINGKATAN	XV
SENARAI LAMPIRAN	XVI

BAB**I****PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masalah	1
1.2 Objeltif Kajian	1
1.3 Metodologi	2
1.4 Hipotesis	2
1.5 Skop Kajian	3
1.6 Kepentingan Kajian	3
1.7 Organisasi Kajian	3

BAB I

Pendahuluan

1.1 Pengenalan Dan Pernyataan Masalah

Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Taiping Berhad(KOOP) telah ditubuhkan pada bulan September, 1922 dan beralamat di Wisma Koperasi, No.21, Jalan Stesen, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan. Mengikut *WTO* di *Geneva*, sebuah koperasi boleh didefinisikan sebagai *“suatu pertubuhan manusia, lazimnya yang berpendapatan rendah/kurang, yang telah dengan sukarelaya bermuafakat untuk memenuhi kehendak ekonomi yang sama menerusi penubuhan badan pemiagaan yang dikawal dengan cara demokrasi, membuat caruman yang adil untuk modal yang dikehendaki dan menerima tanggungan-tanggungan dan faedah yang berpadanan bagi pemiagaan tersebut.”*

Namun, mengikut **Undang-Undang Kecil Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Taiping Berhad, 1922 Sek.4.(1)** - *“Tujuan Koperasi ini ialah untuk memajukan kepentingan sosio-ekonomi ahli-ahlinya menurut prinsip-prinsip koperasi dengan menggalakkan jimat-cermat, menyimpan wang, menolong diri sendiri, membantu antara satu sama lain dan memajukan pelajaran dikalangan ahli-ahli”* dan **Sek.4(2)** - *“Bagi mencapai tujuan memajukan sosio-ekonomi ahli-ahlinya Koperasi bolehlah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah, menjalankan fungsi utamanya khidmat kredit kepada ahli-ahlinya”*.

Oleh yang demikian, kami akan berusaha untuk mengkaji masalah kesinambungan matlamat/tujuan WTO dan koperasi tersebut serta selaluannya dengan rancangan dan dasar Kerajaan (DEP dan Dasar Nasional Negara) dari dua aspek iaitu peranan dan keberkesanan pelaksanaan tujuan Koperasi tersebut.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji, menilai dan mengenalpasti peranan dan matlamat KOOP ini terhadap ahli-ahlinya. Kami juga